

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
(PANDAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 18.10.2016

Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bayaran yang telah dibuat, peratusan kerja yang siap, bayaran tertunggak bagi kerja yang telah siap dan baki kos menyiapkan kerja bagi setiap “*Development Agreement*” membangunkan 8 pengkalan udara di antara Kerajaan Malaysia dan 1MDB setakat Oktober 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bagi merealisasikan pembangunan Bandar Malaysia, 1MDB dan Kerajaan Malaysia telah menandatangani lapan perjanjian

Development Agreement bagi pemindahan dan pembangunan semula fasiliti-fasiliti TUDM, PDRM dan juga RAD 31 sedia ada di Pangkalan Udara Kuala Lumpur (PUKL). Skop perjanjian antara lainnya merangkumi perolehan tanah baharu, kerja-kerja reka bentuk, kelulusan pihak berkuasa tempatan, pembinaan, perolehan peralatan dan pemindahan ke kemudahan baru.

Sehingga kini, tiga daripada lapan fasiliti tersebut telah pun disiapkan, manakala kemajuan fizikal bagi lima tapak yang lain adalah di antara 50% ke 92%. Secara keseluruhannya, proses pemindahan staf dan peralatan sedia ada di PUKL dijangka akan dilakukan secara berperingkat bermula pada awal tahun 2017.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan Malaysia hanya bertanggungjawab ke atas sebahagian (RM 1.1 bilion) daripada kos keseluruhan Projek PUKL yang bernilai RM2.7 bilion manakala kos selebihnya ditanggung oleh 1MDB. Sehingga kini, Kerajaan telah pun membayar sepenuhnya komitmen berkenaan berdasarkan kemajuan projek. Justeru itu, tiada bayaran tertunggak oleh Kerajaan Malaysia.